



**SIARAN MEDIA  
JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA**

**KERJASAMA RENTAS AGENSI: JABATAN AUDIT NEGARA (JAN)  
KUKUHKAN USAHA AUDIT DAN PENCEGAHAN FRAUD  
PERAKAUNAN MELALUI PENUBUHAN KUMPULAN KERJA FRAUD  
PERAKAUNAN (KKFP)**

**UNTUK SIARAN SEGERA  
19 MEI 2025**

**KUALA LUMPUR, 19 Mei 2025** – Jabatan Audit Negara (JAN) bersama-sama enam agensi lain yang terdiri daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM), Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Institut Akauntan Malaysia (MIA) telah bersetuju mewujudkan kerjasama baharu melalui penubuhan Kumpulan Kerja Fraud Perakaunan (KKFP).

Fraud perakaunan adalah merujuk kepada tindakan manipulasi atau pemalsuan terhadap transaksi perakaunan dengan niat untuk memperdaya atau menipu yang boleh menyebabkan pemegang taruh yang menggunakan laporan kewangan tersebut membuat keputusan yang tidak tepat.

Kemuncak kepada Majlis Peluncuran KKFP yang diadakan pada hari ini ialah pengisytiharan Deklarasi Komitmen yang ditandatangani oleh semua tujuh Ketua Agensi yang menganggotai KKFP.

Penubuhan KKFP bertujuan untuk mewujudkan kolaborasi antara agensi / badan awam bagi memperkukuh perkongsian maklumat, tipologi jenayah dan analisis trend semasa melibatkan fraud perakaunan, di samping bertindak sebagai platform

strategik rentas agensi untuk pembangunan teknikal, penyelidikan, dan inovasi ke arah mengurangkan risiko fraud perakaunan. Selain itu, melalui KKFP pemerkasaan pembangunan kompetensi pegawai agensi / badan awam melalui latihan pensijilan dan program perkongsian ilmu fraud perakaunan akan dilaksanakan.

YBhg. Dato' Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Audit Negara dalam ucapannya menyatakan penubuhan KKFP ini merupakan satu pendekatan strategik yang mencerminkan keazaman pelbagai pihak untuk menangani isu-isu berkaitan penyelewengan dan penipuan dalam pelaporan kewangan. Kumpulan Kerja yang ditubuhkan ini bukan sekadar simbolik, malah merupakan satu deklarasi komitmen bersama yang menuntut tindakan konkrit dan kolaboratif. Beliau juga menyatakan kesediaan JAN untuk menyumbang kepakaran dalam mengesan dan menilai risiko fraud perakaunan melalui pengauditan yang dilaksanakan. Perkara ini juga selaras dengan pindaan Akta Audit 1957 [Akta 62] yang memperluaskan kuasa Ketua Audit Negara dalam pelaksanaan pengauditan terhadap badan lain termasuk syarikat yang menerima Jaminan Kewangan, serta pelaksanaan "*follow the public money audit*".

Sejajar dengan sasaran yang ditetapkan oleh Kerajaan MADANI untuk Malaysia berada dalam kalangan 25 negara teratas dunia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) menjelang tahun 2033, penubuhan KKFP merupakan satu inisiatif yang tepat pada masanya. Ini kerana kolaborasi dan komitmen tujuh agensi untuk memastikan pengamalan tatakelola yang baik dan memperkukuhkan pengurusan kewangan negara pastinya akan dapat menyumbang kepada peningkatan kedudukan dan skor mata negara dalam CPI.

Turut hadir dalam Majlis Peluncuran tersebut ialah YBhg. Tan Sri Dato' Sri Haji Azam Baki, Ketua Pesuruhjaya SPRM, YBrs. Puan Nor Yati Ahmad, Akauntan Negara Malaysia, YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif SSM, YBhg. Dato' Seri Dr. Mohamad Zabidi Ahmad, Presiden MIA, YBhg. Datuk Hisham bin Rusli, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pematuhan) LHDN dan YBhg. Prof. Ts. Dr. Norazah Abd Rahman, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UiTM.

**Dikeluarkan oleh:  
Jabatan Audit Negara**

